



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/21/2018

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

"KERJA-KERJA MENGECAT KESELURUHAN DINDING LUAR DAN LAIN-LAIN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI 16 UNIT KUARTERS DI TAMAN WU LIEN TEH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG "

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : 9 April 2018 (Isnin)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Kawasan Tempat Letak Kereta Di Kuarters Jalan Wu Lien Teh, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
Kehadiran : Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).
Tambahan : Sila Bawa Cop Syarikat

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil **SPKK, CIDB dan STB** dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 16 April 2018** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP/21/2018** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. .

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang